

25/01/2000

Pahang sedia bekal air ke Selangor

KUANTAN, Isnin - Kerajaan Pahang sedia membekalkan air ke Selangor pada 2007 sebagai perancangan masa depan untuk menjadikan air sebagai sumber pendapatan utama kerajaan negeri selain hasil tanah dan perhutanan.

Berikutan itu, perbincangan lebih mendalam secara rasmi akan dilakukan membabitkan dua kerajaan negeri itu, tidak lama lagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Kerajaan Pahang akan menjalankan kajian lanjut berhubung permohonan Selangor berikutan negeri itu tidak mempunyai sumber air mencukupi bagi menampung permintaan selain tiada lagi kawasan membina loji air tambahan.

"Kita sedia merundingkan permohonan Selangor untuk mendapatkan bekalan air dari Pahang pada 2007 seperti yang disuarakan Menteri Besarnya, Datuk Abu Hassan Omar, dua hari lalu.

"Langkah membekalkan air ke Selangor juga selari dengan hasrat kita untuk menjadikan air antara punca pendapatan kepada negeri ini, selain tanah dan hutan.

"Bagaimanapun, kajian lanjut dan perbincangan mengenainya perlu dilakukan terlebih dahulu membabitkan kedua negeri," katanya.

Abu Hassan dalam laporan akhbar baru-baru ini berkata sumber air yang ada iaitu Empangan Sungai Selangor Fasa 2, Empangan Semenyih dan Sungai Selangor Fasa 3 hanya mampu menampung permintaan sehingga 2006.

Menurutnya, Selangor perlu mendapatkan bantuan bekalan air dari Pahang bagi membolehkan penduduk di negeri itu dan Lembah Klang mendapat bekalan air secukupnya, selepas tempoh itu.

Katanya, kerajaan Selangor mahu memastikan kegawatan air yang berlaku pada 1998 tidak berulang lagi.

Pertengahan 1998, Menteri Besar Pahang ketika itu, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kerajaan negeri akan membuat persediaan awal bagi membolehkan projek menyalurkan air dari Pahang ke Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dilaksanakan segera.

Ini termasuk mengenal pasti tanah rizab untuk laluan paip, pembinaan pusat simpanan air dan empangan.

Mohd Khalil berkata persediaan awal itu selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta proses penyaluran bekalan air ke Selangor dan Kuala Lumpur dimulakan sekarang.

Adnan berkata, kajian lanjut perlu dilakukan secara bersepadu dan menyeluruh kerana membabitkan penjagaan alam sekitar dan pemuliharaan hutan.

"Kita perlu jaga alam sekitar kerana alam sekitar yang terpelihara, boleh mengekalkan keadaan sungai secara semula jadi dan air yang bersih.

"Ini juga akan kita bincangkan dalam beberapa mesyuarat, termasuk mesyuarat jawatankuasa tanah tinggi, mesyuarat jawatankuasa perancang bandar dan desa serta mesyuarat jawatankuasa tanah negeri," katanya.

(END)